

## Subsidi petrol bersasar secepat mungkin

**Putrajaya:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) memberi bayaan akan melaksanakan program subsidi petrol bersasar secepat mungkin selepas mendapat kelulusan Kabinet.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, pihaknya kini dalam fasa akhir menyediakan kertas Kabinet berhubung pelaksanaan subsidi bersasar petrol RON95.

"Kami yakin kertas cadangan yang turut membabitkan maklum balas Kementerian Kewangan (MOF) itu boleh dibentangkan kepada jemaah menteri pada sesi mesyuarat jemaah menteri bagi bulan ini.

"Perkara berkaitan kerangka, mekanisme dan kaedah pelaksanaan sudah dimuktamadkan bersama MOF pada mesyuarat minggu lalu. Kami akan bentangkan untuk makluman, perbincangan dan syor oleh je-



**SAIFUDDIN**

maah menteri dan jika diberikan 'lampu hijau', kita akan laksanakan tahun ini juga," katanya dalam sidang media, di sini, semalam.

Beliau berkata, kementeriannya sudah bersedia sepenuhnya untuk melaksanakan inisiatif berkenaan jika dipersetujui Kabinet.

Saifuddin berkata, dalam fasa akhir penyediaan kertas Kabinet itu, pihaknya akan diberi taklimat mengenai data penerima akan diguna pakai, peruntukan yang disediakan oleh MOF dan strategi komunikasi yang bakal digunakan untuk menghebahkan program itu kepada rakyat.